



Siri N^o 0006

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1983

**NILAITARAF BAGI KELAYAKAN SIJIL KEJURUTERAAN
DARI POLITEKNIK UNGKU OMAR, IPOH DAN
POLITEKNIK KUANTAN**

Tujuan

Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk mengumumkan nilaitaraf yang baru bagi kelayakan Sijil Kejuruteraan yang dikeluarkan oleh Politeknik-politeknik di bawah Kementerian Pelajaran yang diterima bagi perlantikan mengikut skim-skim perkhidmatan Kerajaan.

Nilaitaraf Kelayakan

2. Kerajaan telah meluluskan penilaian yang baru bagi Sijil Kejuruteraan daripada Politeknik Ungku Omar, Ipoh dan Politeknik Kuantan yang diiktiraf sebagai setaraf dengan Sijil Tinggi Persekolahan pada 14hb Januari, 1983.

Penetapan Gaji Masuk dan Tarikh Kuatkuasa

3. Pada masa ini kelayakan Sijil Kejuruteraan daripada Politeknik-politeknik di bawah Kementerian Pelajaran hanya diterima bagi perlantikan ke jawatan-jawatan dalam Kumpulan Gaji "C" yang bersesuaian dengan bidang pengajian berkenaan, khususnya jawatan-jawatan yang bercorak teknikal, dengan diberi matagaji masuk yang lebih tinggi daripada gaji permulaan jawatan berkenaan. Dengan nilaitaraf baru yang diberikan, perlantikan ke jawatan-jawatan sedemikian dengan kelayakan Sijil Kejuruteraan hendaklah menawarkan matagaji masuk \$570 sebulan. Matagaji masuk ini adalah lebih rendah daripada gaji permulaan \$585 bagi jawatan-jawatan dalam Kumpulan Gaji "B" yang mensyaratkan kelulusan Sijil Tinggi Persekolahan oleh kerana dalam jawatan Kumpulan Gaji "C" tidak ada matagaji \$585 dan juga dari segi tugas dan tanggungjawab jawatan Kumpulan Gaji "C" tidaklah setaraf dengan jawatan dalam Kumpulan Gaji "B".

4. Penetapan gaji masuk berasaskan nilaitaraf baru Sijil Kejuruteraan di atas adalah berkuatkuasa mulai daripada 1hb Februari, 1983.

Penyesuaian Gaji Pegawai sedang Berkhidmat

5. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Kumpulan Gaji "C" yang memiliki kelayakan Sijil Kejuruteraan seperti di atas yang masih menerima gaji lebih rendah daripada \$570 sebulan dan dilantik sebelum daripada tarikh 1hb Februari, 1983 hendaklah diselaraskan gaji mereka kepada matagaji \$570. Tarikh kenaikan gaji pegawai-pegawai sedang berkhidmat yang dilantik sebelum daripada 1hb Februari, 1983 adalah dipinda seperti di Lampiran "A".

6. Pegawai-pegawai yang dilantik pada atau selepas 1hb Februari, 1983, gaji masuk mereka hendaklah juga diselaraskan ke mata-gaji \$570 sebulan dan tarikh kenaikan gaji mereka adalah mengikut Perintah Am 45 Bab A.

7. Penyesuaian gaji pegawai-pegawai yang dimaksudkan di perenggan 5 dan 6 di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Pegawai-pegawai dalam percubaan boleh terus menerima kenaikan gaji dalam baki tempoh percubaan mereka. Oleh kerana pengubahsuaian gaji ini menempatkan mereka terkeatas daripada Sekatan Percubaan/Sekatan Peperiksaan Pertama, maka Sekatan itu hendaklah dianggap seolah-olah telah diubah ke hadapan. Kenaikan gaji seterusnya adalah tertakluk kepada syarat-syarat bahawa pegawai-pegawai itu telah disahkan dalam jawatan mereka setelah memenuhi semua syarat-syarat yang dikenakan menurut Skim Perkhidmatan yang berkenaan;
- (ii) Sekiranya Sekatan Percubaan/Sekatan Peperiksaan Pertama yang telah dianggap telah diubah ke hadapan itu melangkah Sekatan Peperiksaan Kedua atau Sekatan Kecekapan maka prinsip mengenai kenaikan gaji seterusnya setelah disahkan dalam jawatan serta cara melangkah Sekatan Peperiksaan Kedua/Sekatan Kecekapan adalah sebagaimana dalam (iii) dan (iv) mengikut mana yang berkenaan;
- (iii) Bagi pegawai-pegawai dalam percubaan yang tanggungaji mereka mempunyai Sekatan Percubaan/Sekatan Kecekapan sahaja, mereka boleh menerima kenaikan gaji dalam tempoh percubaan seolah-olah Sekatan Percubaan diubah ke hadapan walaupun ia disesuaikan kepada mata-gaji yang terletak terkeatas daripada Sekatan Kecekapan. Sekatan Kecekapan pula hendaklah dianggap turut berubah ke hadapan dan bertindih dengan Sekatan Percubaan yang dianggap telah diubah ke hadapan itu. Kenaikan gaji seterusnya adalah tertakluk kepada syarat bahawa mereka telah disahkan dalam jawatan dan juga memenuhi syarat-syarat melangkah Sekatan Kecekapan;
- (iv) Bagi pegawai-pegawai dalam percubaan yang tanggungaji mereka mempunyai Sekatan Percubaan/Sekatan Peperiksaan Pertama dan juga Sekatan Peperiksaan Kedua (serta Sekatan Kecekapan, di mana berkenaan) mereka bolehlah menerima kenaikan gaji dalam tempoh percubaan sama ada mereka disesuaikan kepada matagaji yang terletak terkeatas atau terkeatas daripada Sekatan Peperiksaan

Kedua. Sekatan-sekatan berkenaan hendaklah dianggap seolah-olah diubah ke hadapan. Selepas disahkan dalam jawatan mereka bolehlah diberi 3 tahun lagi untuk lulus dalam Peperiksaan Kedua dan dalam tempoh itu bolehlah menerima kenaikan gaji tahunan. Selepas daripada tempoh itu, peraturan-peraturan biasa berkenaan dengan pemberhentian dan penangguhan kenaikan gaji akan dikenakan;

- (v) Tempoh percubaan yang dimaksudkan di perenggan kecil (i), (iii) dan (iv) di atas tidak termasuk tempoh percubaan yang dilanjutkan dengan berdenda;
- (vi) Bagi pegawai-pegawai yang telah disahkan dalam jawatan tetapi belum lulus Peperiksaan Kedua apabila gaji mereka yang diubahsuaikan terletak terkeatas ataupun di bawah daripada Sekatan Peperiksaan Kedua, mereka boleh diberi tempoh untuk lulus dalam Peperiksaan Kedua sepanjang baki tempoh yang sepatutnya mereka mesti lulus pada tarikh kuatkuasanya Pekeliling ini. Sekatan Peperiksaan Kedua itu adalah dianggap seolah-olah diubah ke hadapan. Selepas daripada tempoh itu peraturan-peraturan biasa berkenaan dengan pemberhentian dan penangguhan kenaikan gaji akan dikenakan; dan
- (vii) Bagi pegawai-pegawai yang telah disahkan dalam jawatan serta disesuaikan pada matagaji yang terletak terkeatas daripada Sekatan Kecekapan, mereka tidak dibenarkan menerima kenaikan gaji seterusnya sehingga telah memenuhi syarat-syarat bagi melangkah Sekatan Kecekapan.

8. Adalah ditegaskan bahawa dengan penyesuaian gaji mengikut perbekalan dalam Pekeliling ini pegawai-pegawai yang terlibat akan terus tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dalam Skim Perkhidmatan dan syarat-syarat perkhidmatan yang lain yang berkuatkuasa.

Bayaran Tunggakan

9. Dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan ini tunggakan boleh dibayar secara sebenar mulai daripada 1hb Februari, 1983.

Am

10. Jika terdapat apa-apa keraguan dalam melaksanakan perbekalan Pekeliling ini Ketua-Ketua Pejabat adalah diminta supaya menghubungi Jabatan ini untuk arahan.

TAN SRI OSMAN S. CASSIM,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

29hb Ogos, 1983.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak

Urusetia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan Sabah

Urusetia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan Sarawak

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sabah

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sarawak

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia,
Tingkat 9-14 & 16, Bangunan UMBC, Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur 01-33
Telefon: 208144 Alamat Telegraf "Festoff Kuala Lumpur"

LAMPIRAN "A"

PINDAAN TARIKH KENAIKAN GAJI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI YANG MEMPUNYAI SIJIL KEJURUTERAAN DARIPADA POLITEKNIK UNGKU OMAR, IPOH DAN POLITEKNIK KUANTAN YANG GAJINYA DIPINDAHKAN DARIPADA TIGA MATAGAJI IAITU \$520, \$545 DAN \$570 DALAM TANGGAGAJI-TANGGAGAJI C10, C11 ATAU C16 KEPADA SATU MATAGAJI IAITU \$570 DALAM TANGGAGAJI C10, C11 ATAU C16 PADA 1HB FEBRUARI, 1983

	Tarikh kenaikan Gaji yang Baharu
(i) Pegawai-pegawai yang menerima gaji \$570 pada:	
1hb Februari, 1982 kepada 30hb April, 1982	1hb Mac, 1983
1hb Mei, 1982 kepada 31hb Julai, 1982	1hb April, 1983
1hb Ogos, 1982 kepada 31hb Oktober, 1982	1hb Mei, 1983
1hb November, 1982 kepada 31hb Januari, 1983	1hb Jun, 1983
(ii) Pegawai-pegawai yang menerima gaji \$545 pada:	
1hb Februari, 1982 kepada 30hb April, 1982	1hb Julai, 1983
1hb Mei, 1982 kepada 31hb Julai, 1982	1hb Ogos, 1983
1hb Ogos, 1982 kepada 31hb Oktober, 1982	1hb September, 1983
1hb November, 1982 kepada 31hb Januari, 1983	1hb Oktober, 1983
(iii) Pegawai-pegawai yang menerima gaji \$520 pada:	
1hb Februari, 1982 kepada 30hb April, 1982	1hb November, 1983
1hb Mei, 1982 kepada 31hb Julai, 1982	1hb Disember, 1983
1hb Ogos, 1982 kepada 31hb Oktober, 1982	1hb Januari, 1984
1hb November, 1982 kepada 31hb Januari, 1983	1hb Februari, 1984